

PANDUAN KESELAMATAN DI ATAS KAPAL DAN BOT

1. Pengenalan

Prosedur ini diwujudkan untuk memberi mengatasi atau mengurangkan risiko-risiko yang berkaitan dengan aktiviti operasi kapal atau bot untuk sebarang tujuan seperti pemantauan dan kerja-kerja pengukuran oseanografi/hidrografi. Bagi memastikan prosedur ini dipatuhi, kerjasama antara krew kapal/bot dengan penumpang (penyelidik dan sebagainya) serta pemahaman mengenai bidang kuasa yang jelas adalah penting bagi memastikan keselamatan bersama.

Bot pada kebiasaannya tidak mempunyai tempat penginapan untuk penumpang dan lebih ringkas binaannya berbanding kapal. Oleh itu, kestabilannya adalah bergantung kepada beban yang dibawa iaitu penumpang dan barang-barang berkaitan. Sehubungan itu, penumpang perlu merujuk kepada pengendali bot untuk meletakkan barang bagi memastikan bot adalah seimbang (balance) sepanjang masa.

2. Maklumat Ringkas Bidang Kuasa diatas Kapal dan Bot UMT atau Milik Organisasi Luar

Tanggungjawab pengurusan dan keselamatan keseluruhan kapal/bot termasuk krew dan penumpang adalah dibawah bidang kuasa Serang Pemerintah/Kepten kapal/bot tersebut. Ini adalah selari dengan kehendak undang-undang perkapalan dibawah Jabatan Laut Malaysia. Sehubungan itu, kakitangan penyelidikan/pentadbiran selaku penumpang perlu mematuhi kehendak tersebut dan merujuk kepada pihak pengurusan kapal/bot bagi sebarang keputusan yang melibatkan operasi kapal/bot. Dalam keadaan tertentu, Serang Pemerintah/Kepten kapal/bot boleh mengatasi (override) arahan pemilik kapal/bot bagi tujuan keselamatan. Kakitangan penyelidikan/pentadbiran perlu mematuhi arahan pengurusan kapal dari masa ke semasa.

3.A Maklumat Keselamatan Yang Perlu diketahui oleh Penumpang Kapal/Bot

1. Kaedah memakai Jaket Keselamatan (Lifejacket) dan mengoperasikan lampu jaket tersebut
2. Kaedah meninggalkan kapal (abandon ship) di waktu kecemasan termasuk maklumat tempat berkumpul (Muster Station) dan tempat meninggalkan kapal (Evacuation Station)
3. Mengenali simbol-simbol dan peralatan menyelamatkan nyawa yang penting di atas kapal
4. Sila pastikan barang-barang yang anda bawa ke dalam kapal tidak diletakkan dengan menghalang laluan-laluan di dalam kapal seperti tangga, pintu dan

sebagainya. Keadaan ini amat merbahaya ketika meninggalkan kapal dalam keadaan kecemasan.

5. Sila pelajari pelan kapal khususnya laluan keluar dari kabin anda ke tempat berkumpul (muster station)

Nota: Maklumat-maklumat diatas perlu diterangkan oleh wakil pengurusan kapal/bot sejurus selepas penumpang-penumpang telah menaiki kapal dan disokong lagi oleh kad maklumat keselamatan yang diletakkan ditempat-tempat tertentu. Penerangan boleh disampaikan secara terus semasa taklimat atau disampaikan melalui sistem 'Public Address'.

3B Taklimat dan Demostrasi Keselamatan oleh Kapten Kapal sebelum Kapal Berlepas.

1. Memperkenalkan krew kapal dan tugas mereka.
2. Pemberitahuan plan lantai alat keselamatan
3. Taklimat dan demostrasi penggunaan peralatan keselamatan (Lifejacket)
4. Taklimat dan demostrasi penggunaan peralatan keselamatan (Alat pemadam Api)
5. Dan apa apa yang berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan di atas kapal.

4. Prosedur Meninggalkan Kapal Ketika Kecemasan (Abandon Ship)

1. Penggera Kecemasan (General Alarm) diaktifkan dengan 7 bunyi pendek diikuti dengan 1 bunyi panjang. Bunyi penggera adalah samada bunyi siren atau loceng kapal (bukan hon kapal).
2. Jika anda berada di luar kabin, sila pergi terus ke Muster Station (tempat berkumpul) yang terdekat. Jika anda berada dalam kabin, sila pakai baju yang sesuai dan bawa jaket keselamatan serta ubatan yang perlu. Sila ikut panduan simbol anak panah yang menghala ke Muster Station.
3. Muster Station kapal selalunya lokasi yang sesuai untuk berkumpul atas kapal dan dilabelkan dengan tulisan yang agak besar dan jelas. Maklumat lokasi Muster Station juga kebiasaanya ditampalkan pada pintu kabin.
4. Di Muster Station, krew kapal akan berikan anda jaket keselamatan (pada yang tiada) untuk dipakai dan juga menetapkan Evacuation Station yang anda perlu pergi.
5. Seterusnya anda akan meninggalkan kapal samada dengan bot keselamatan (life boat) atau rakit keselamatan (life raft) hanya setelah mendapat arahan dari Serang Pemerintah atau krew bertugas.

6. Seterusnya anda perlu menunggu untuk diselamatkan oleh agensi maritim yang berkaitan seperti APMM atau kapal lain yang berhampiran.
7. Dalam keadaan kecemasan, anda perlulah bertenang, tidak berebut-rebut dan mengikut arahan pihak pengurusan kapal sepanjang masa bagi memastikan keselamatan anda dan orang lain terjamin.

Nota: Sila rujuk carta alir di bawah.



Gambarajah 1: Penumpang memakai Jacket Keselamatan (Lifejacket). Sila perhatikan lampu, reflector dan wisel yang terdapat bersama jaket.




Gambarajah 2: Rakit Keselamatan atas kapal



Gambarajah 3: Rakit Keselamatan untuk 25 orang yang telah dilancarkan

Carta Alir Prosedur Meninggalkan Kapal Ketika Kecemasan



5. Prosedur Kecemasan Ketika Kebakaran Atas Kapal (Terjumpa Api)

1. Jika anda ternampak kebakaran berlaku diatas kapal, sila jerit Api Api Api untuk maklum orang lain dan krew kapal
2. Jika tiada krew dan orang lain yang datang membantu, aktifkan Penggera kecemasan dengan memecahkan gelas penggera kecemasan yang terdapat pada dinding yang berdekatan
3. Jika kebakaran tersebut kecil, anda boleh cuba padamkan dengan menggunakan pemadam api mudahalih (jenis tangki). Namun jika anda tidak yakin melakukannya atau kebakaran tersebut adalah besar dan tidak dapat dikawal, sila tinggalkan tempat tersebut secepat mungkin dan pergi ke Muster Station berpandukan anak panah yang terdapat pada dinding.

4. Apabila anda berada di Muster Station, sila beri maklumat pada krew kapal dan tunggu arahan selanjutnya.

Nota: Sila rujuk carta alir dibawah



Gambarajah 4: Pemadam Api jenis mudah alih di atas kapal

Carta Alir Prosedur Kecemasan Ketika Kebakaran Atas Kapal (Terjumpa Api)



6. Prosedur Kecemasan Ketika Kebakaran Atas Kapal (Asap Tebal)

1. Jika anda terbangun dari tidur di dalam kabin disebabkan oleh bunyi penggera kecemasan atau berada di tempat lain di dalam kapal selain dari kabin dan mendapati persekitaran di penuh asap, anda hendaklah merangkak keluar dari tempat tersebut.
2. Apabila anda merangkak pada lantai, anda akan mendapati asap adalah kurang dimana pernafasan adalah lebih lancar dan tahap penglihatan adalah lebih baik berbanding anda berdiri.
3. Bawa barang yang penting sahaja (ubat dan kad pengenalan jika sempat). Sila tinggalkan tempat tersebut secepat mungkin secara merangkak sehingga keluar dari kawasan tertutup menuju ke Muster Station berpandukan anak panah yang terdapat pada bahagian bawah dinding.
4. Apabila anda berada di Muster Station, sila beri maklumat pada krew kapal dan tunggu arahan selanjutnya.

Nota: Sila rujuk carta alir dibawah

Carta Alir Prosedur Kecemasan Ketika Kebakaran Atas Kapal (Asap Tebal)



7. Prosedur Kecemasan Orang Jatuh Laut (Umum)

1. Jika anda dapati rakan anda terjatuh ke laut dari kapal secara tiba-tiba ketika kapal sedang bergerak, langkah pertama jangan panik.
2. Anda perlu baling lifebuoy (Gambarajah 4) dengan segera kepada rakan anda dan seterusnya menjerit Man Overboard atau Orang Jatuh Laut untuk maklum kepada yang lain. Lifebuoy dapat membantu mangsa jatuh untuk terus terapung dan lebih mudah dikesan (warna lifebuoy oren).
3. Sekiranya anda bersama dengan rakan lain, minta beliau lapor segera kepada kepada krew atau kepten kapal.
4. Pada waktu yang sama, anda hendaklah secara berterusan memantau mangsa dan memastikan ia tidak hilang dari pandangan anda (continuously watch the position of victim). Anda juga perlu maklum bahawa mangsa akan dihanyutkan oleh arus laut selain ditinggalkan jauh oleh kapal yang sedang bergerak.
5. Sila bantu krew kapal untuk kerja-kerja mencari dan menyelamatkan dengan maklumat dan menunjuk ke arah mangsa dengan tepat dan berterusan.

Nota: Anda tidak digalakkan duduk berseorangan di kawasan dek terbuka kapal samada siang atau malam. Jika anda terjatuh ke dalam laut, tiada siapa akan sedar dan akan menyukarkan kerja-kerja mencari dan menyelamatkan.



Gambarajah 5: Lifebuoy dan simbolnya (hijau). Lifebuoy tersebut hendaklah dibaling ke laut bersama lampu (jika ada) untuk menyelamatkan orang jatuh laut.

8. Prosedur Kecemasan Orang Jatuh Laut (Tanpa Disedari)

- a. Jangan panik
- b. Lapur kepada kapten kapal / krew kapal yang bertugas serta merta
- c. Kapten akan membuat kiraan jumlah krew dan penumpang (“ Head Count “)
- d. Kapten kapal akan mengambil langkah langkah “ Man Overboard “
- e. Pencarian / pemerhatian menyeluruh (Extra Look Out)
- f. Kapten mesti memancarkan signal mencari dan menyelamatkan (SAR)

Memandangkan ruang bot adalah terbuka dan penumpangnya mudah terjatuh ke dalam laut, maka para penumpang perlu memakai jaket keselamatan sepanjang masa. Walaubagaimanapun, bagi memudahkan pergerakan semasa melakukan kerja atas bot seperti kerja-kerja persampelan, penumpang boleh menggunakan buoyancy jacket atau work vest. Namun peralatan keselamatan tersebut tidak menjamin keselamatan anda dari lemas kerana ia tidak dapat menghala muka ke arah atas (up right) sekiranya anda pengsan setelah terjatuh.

9 Prosedur Am Pertolongan Cemas untuk perkara berikut : (dr. daeng)

- a. Mabuk Laut
- b. Demam
- c. Kecederaan ringan
- d. Sengatan
- e. Keracunan
- f. Melecur
- g. Renjatan akibat kepanasan (Heat Stroke)
- h. Kecederaan berat
- i. Hysteria

Sila maklumkan kepada kapten kapal dengan kadar segera apabila mengalami simptom di atas.

8. “PIRACY”

Kapten kapal mesti patuh kepada undang maritim kebangsaan dan antarabangsa.

Para penumpang diminta bertenang dan jangan mencetuskan ketegangan.

9. Jenis Peralatan Perlindungan Diri Bagi Operasi Atas Kapal

Jadual dibawah menyatakan jenis alat perlindungan yang berkaitan sewaktu operasi di atas kapal dan peralatan perlindungan diri yang perlu dipakai bagi mengurangkan risiko terhadap bahaya atau kesan buruk akibat terdedah pada jangka waktu yang lama.

Jenis	Contoh
Perlindungan Kepala	Topi Keselamatan
Perlindungan Pendengaran	Ear muffs, Ear plugs
Perlindungan Muka dan Mata	Facial shields dan Cermin mata keselamatan
Perlindungan Tangan dan Kaki	Sarung Tangan dan Kasut Keselamatan (Safety Boots)
Perlindungan Badan	Baju (overall suit) yang berwarna terang yang dilengkapi dengan pemantul (reflector) untuk krew kapal.
Perlindungan dari Lemas	Jaket keselamatan (Lifejacket), Jaket Apungan (Buoyancy Aid) dan Lifebuoy



Gambarajah 6: Topi keselamatan dengan sistem gantungan (suspension) bertali untuk mengurangkan kesan hentakan terus ke kepala.



Gambarajah 7: Ear Muff bagi mengurangkan kesan bunyi bising



Gambarajah 8: Kakitangan operasi mengawal tumpahan minyak di laut (bukan krew kapal) yang lengkap dengan peralatan perlindungan diri seperti topi keselamatan, baju overall dengan reflector, sarung tangan, kasut keselamatan dan buoyancy jacket.

10. Kesimpulan

Operasi kapal di persekitaran laut adalah berisiko tinggi. Sehubungan itu, langkah-langkah keselamatan perlu dipatuhi bagi mengurangkan risiko kecederaan, kehilangan nyawa dan aset berharga.

“KAPAL BOLEH DIBELI TAPI NYAWA TIDAK DAPAT DIGANTI!”

Rujukan

Code of Safe Working Practice for Merchant Seamen

MSC/Circular.681 – Guidelines for Passenger Safety Instruction on Ro-Ro Passenger Ships

MSC/Circular.699 – Revised Guidelines for Passenger Safety Instruction

SOLAS Chapter III – Life Saving Appliances